



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR**  
*Office of the Chief Registrar*  
**MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**  
*Federal Court of Malaysia*  
**ISTANA KEHAKIMAN**  
**PRESINT 3**  
**62506 PUTRAJAYA**

*Telefon* : 03-88803500  
03-88803782  
*Faks* : 03-88803886

*Laman Web* : <http://www.kehakiman.gov.my>

*Ruj. Tuan* :  
*Ruj. Kami* : (27) dlm JK/MP 16 Jld. 5  
*Tarikh* : 27 Februari 2013

Hakim Mahkamah Sesyen  
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Tinggi  
Seluruh Malaysia

Timbalan Pendaftar/ Penolong Kanan Pendaftar  
Mahkamah Rendah  
Seluruh Malaysia

Majistret  
Seluruh Malaysia

Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah  
Seluruh Malaysia

YBhg Dato'/Datin/Tuan/Puan,

## **PEKELILING KETUA PENDAFTAR BIL. 1 TAHUN 2013**

### **PENETAPAN KES-KES SIVIL DI MAHKAMAH RENDAH SELARAS DENGAN BERKUAT KUASANYA AKTA MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2010 [AKTA A1382]**

Adalah saya telah diarahkan oleh YAA Ketua Hakim Negara untuk memaklumkan bahawa Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010 [Akta A1382] mula berkuat kuasa pada **1 Mac 2013**.

2. Pindaan tersebut antara lain menaikkan bidang kuasa sivil Mahkamah Sesyen daripada RM250,000.00 ke RM1,000,000.00. Di samping itu, Mahkamah Sesyen juga mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan segala tindakan dan guaman daripada jenis sivil bagi pelaksanaan spesifik atau pembatalan kontrak atau bagi pembatalan atau pembetulan surat cara dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen.

3. Pindaan Akta tersebut juga memperuntukkan bahawa Mahkamah Sesyen bolehlah berkenaan dengan apa-apa tindakan dan guaman dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen, dalam apa-apa prosiding di hadapannya memberikan injuksi dan membuat perisytiharan sama ada atau tidak apa-apa relif, tebus rugi atau remedi lain adalah atau boleh dituntut.

4. Bagi Mahkamah Majistret pula, bidang kuasa sivilnya dinaikkan daripada RM25,000.00 kepada RM100,000.00.

5. Sehubungan dengan itu, YAA Ketua Hakim Negara mengarahkan kes-kes sivil di Mahkamah Rendah ditetapkan seperti berikut:

### 5.1 Kes-kes Sivil di Mahkamah Sesyen (*Monetary Claims*)

| TUNTUTAN                         | HAKIM MAHKAMAH SESYEN YANG MEMBICARAKAN KES |
|----------------------------------|---|
| RM100,001.00 –<br>RM300,000.00   | Hakim Mahkamah Sesyen Gred L52 dan L54      |
| RM300,001.00 –<br>RM1,000,000.00 | Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa             |

5.1.1. Senarai Mahkamah Sesyen yang menempatkan Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa adalah seperti di **Lampiran A**.

5.1.2 Bagi Mahkamah Sesyen yang **TIDAK** ditempatkan dengan Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa, tuntutan sivil di antara RM300,001.00 hingga RM1,000,000.00 hendaklah difailkan di mahkamah berikut :

| BIDANG KUASA KAUSA TINDAKAN TERAKRU   | TEMPAT PEMFAILAN TINDAKAN |
|---|---------------------------|
| <b><u>PERAK</u></b><br>Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar                                | Mahkamah Sesyen Taiping   |
| <b><u>SELANGOR</u></b><br>Mahkamah Sesyen Sepang<br>Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Baru | Mahkamah Sesyen Shah Alam |

|  |                                  |
|--|----------------------------------|
| Mahkamah Sesyen Bangi<br>Mahkamah Sesyen Selayang  |                                  |
| <b><u>NEGERI SEMBILAN</u></b><br>Mahkamah Sesyen Kuala Pilah   | Mahkamah Sesyen Seremban         |
| <b><u>JOHOR</u></b><br>Mahkamah Sesyen Batu Pahat<br>Mahkamah Sesyen Segamat<br>Mahkamah Sesyen Kluang   | Mahkamah Sesyen Muar             |
| <b><u>JOHOR</u></b><br>Mahkamah Sesyen Kota Tinggi   | Mahkamah Sesyen Johor Bahru      |
| <b><u>PAHANG</u></b><br>Mahkamah Sesyen Raub   | Mahkamah Sesyen Temerloh         |
| <b><u>KELANTAN</u></b><br>Mahkamah Sesyen Gua Musang<br>Mahkamah Sesyen Pasir Mas  | Mahkamah Sesyen Kota Bharu       |
| <b><u>Terengganu</u></b><br>Mahkamah Sesyen Kemaman  | Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu |
| <b><u>Sarawak</u></b><br>Mahkamah Sesyen Sibu<br>Mahkamah Sesyen Miri<br>Mahkamah Sesyen Bintulu<br>Mahkamah Sesyen Limbang<br>Mahkamah Sesyen Sarikei<br>Mahkamah Sesyen Sri Aman | Mahkamah Sesyen Kuching          |

**5.2 Tindakan yang melibatkan permohonan injunksi dan/atau pengisytiharan (declaration) serta tort kecuaiian professional dan fitnah**

5.2.1 Bagi tindakan yang melibatkan permohonan injunksi dan/atau pengisytiharan dalam bidang kuasa Mahkamah Sesyen di bawah peruntukan seksyen 65 Akta Mahkamah Rendah 1948, hendaklah didengar oleh Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa dan ketetapan berikut hendaklah dipatuhi:

| <b>BIDANG KUASA KAUSA TINDAKAN TERAKRU</b>  | <b>HAKIM MAHKAMAH SESYEN YANG MEMBICARAKAN KES</b> |
|---|--|
| <p><b><u>PERAK</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar</p>  | <p>Mahkamah Sesyen Taiping Gred Jusa</p>           |
| <p><b><u>SELANGOR</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Sepang<br/>Mahkamah Sesyen Kuala Kubu Baru<br/>Mahkamah Sesyen Bangi<br/>Mahkamah Sesyen Selayang</p> | <p>Mahkamah Sesyen Shah Alam Gred Jusa</p>         |
| <p><b><u>NEGERI SEMBILAN</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Kuala Pilah</p>  | <p>Mahkamah Sesyen Seremban Gred Jusa</p>          |
| <p><b><u>JOHOR</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Batu Pahat<br/>Mahkamah Sesyen Segamat<br/>Mahkamah Sesyen Kluang</p>                                    | <p>Mahkamah Sesyen Muar Gred Jusa</p>              |
| <p><b><u>JOHOR</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Kota Tinggi</p>  | <p>Mahkamah Sesyen Johor Bahru Gred Jusa</p>       |

|   |   |
|---|---|
| <p><b><u>PAHANG</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Raub</p>  | <p>Mahkamah Sesyen Temerloh<br/>Gred Jusa</p>         |
| <p><b><u>KELANTAN</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Gua Musang<br/>Mahkamah Sesyen Pasir Mas</p>  | <p>Mahkamah Sesyen Kota Bharu<br/>Gred Jusa</p>       |
| <p><b><u>TERENGGANU</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Kemaman</p>   | <p>Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu<br/>Gred Jusa</p> |
| <p><b><u>SARAWAK</u></b><br/>Mahkamah Sesyen Sibu<br/>Mahkamah Sesyen Miri<br/>Mahkamah Sesyen Bintulu<br/>Mahkamah Sesyen Limbang<br/>Mahkamah Sesyen Sarikei<br/>Mahkamah Sesyen Sri Aman</p> | <p>Mahkamah Sesyen Kuching<br/>Gred Jusa</p>          |

5.3 Ketetapan di perenggan 5.2.1 ini **tidak terpakai** kepada kes-kes kemalangan jalan raya dan tindakan distress. Amalan sedia ada bagi kes-kes ini diteruskan.

5.4 Sekiranya terdapat permohonan injuksi selepas pemfailan tuntutan di Mahkamah Sesyen yang membicarakan tuntutan RM300,000.00 ke bawah, prosedur berikut hendaklah dipatuhi :

- a) Sekurang-kurangnya tiga (3) salinan Notis Permohonan dan affidavit sokongan (bergantung kepada bilangan Defendan/ Responden) hendaklah difailkan beserta sijil perakuan segera (jika perlu) di Mahkamah di mana tindakan dimulakan (yang selepas ini disebut sebagai "Mahkamah asal") ;
- b) Sesalinan Notis Permohonan dan affidavit sokongan yang telah disahkan pembayaran *praecipe* oleh Mahkamah asal hendaklah dikemukakan oleh **Peguam/Pemohon** kepada **Pendaftar/Timbangan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah** di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Sesyen seperti di perenggan 5.2.1;

- c) Pendaftar/Timbangan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah hendaklah membuka satu fail dan permohonan hendaklah direkodkan dalam Buku Kausa Khas (Akta A1382).
- d) Pendaftar/Timbangan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah seterusnya hendaklah merujuk permohonan berkenaan kepada Pengarah Mahkamah Negeri/ Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa.
- e) Pengarah Mahkamah Negeri/ Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa menurut perenggan 5.4, hendaklah mengambil tindakan sewajarnya.
- f) Setelah permohonan selesai didengar dan keputusan mengenainya diberikan, ia hendaklah direkodkan di dalam Buku Kausa (Akta A1382).
- g) Deraf Perintah dan tiga (3) salinan perintah termeterai hendaklah difailkan di Mahkamah yang mendengar permohonan tersebut. Sesalinan perintah termeterai hendaklah dihantar ke Mahkamah asal. Bagi permohonan yang berasal daripada Pusat Kos yang tidak mengguna pakai sistem *e-filing*, perintah termeterai tersebut boleh difailkan secara manual di kaunter pembayaran Mahkamah yang membicarakan permohonan berkenaan walaupun Mahkamah tersebut melaksanakan sistem *e-filing*.
- h) Apa-apa permohonan mengetepikan perintah, penggantungan perintah atau apa-apa permohonan lain yang timbul akibat dari keputusan yang dibuat di perenggan 5.4(f), hendaklah difailkan di Mahkamah asal dan prosedur di perenggan 5.4 (a) hingga (h) hendaklah terpakai bagi permohonan tersebut.
- i) Notis rayuan atas apa-apa keputusan Hakim Mahkamah Sesyen yang mendengar permohonan di perenggan 5.4 (f) hendaklah difailkan di Mahkamah asal

5.5 Mahkamah Sesyen Miri, Mahkamah Sesyen Bintulu, Mahkamah Sesyen Limbang, Mahkamah Sesyen Sarikei, Mahkamah Sesyen Sri Aman dan Mahkamah Sesyen Labuan tidak menempatkan Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa. Bagi tujuan membantu perbicaraan permohonan injunksi interlokutori tersebut, Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa akan bertugas secara litaran di mahkamah-mahkamah tersebut mengikut jadual seperti di **Lampiran B**. Bagi kes-kes yang memerlukan permohonan didengar dengan segera, pihak-pihak di dalam kes tersebut bolehlah memohon agar perbicaraan tersebut didengar secara "*video conferencing*".

5.6 Bagi negeri-negeri yang hanya ditempatkan seorang Hakim Mahkamah Sesyen Gred Jusa, semasa ketiadaan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut, permohonan untuk injunksi dan/atau pengisytiharan (*declaration*) bolehlah didengar oleh Hakim Mahkamah Sesyen lain yang terkanan di Mahkamah tersebut.

## 6. Kes-kes Sivil di Mahkamah Majistret (*Monetary Claims*)

6.1 Semua Majistret tanpa mengira gred boleh mendengar kes-kes sivil di bawah bidang kuasa yang diperuntukkan oleh Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 2010 [Akta A1382]

## 7. Pendaftaran dan Pengkelasan Kod Kes

7.1. Pendaftaran dan pengkelasan kod kes adalah seperti berikut :

### 7.1.1 Mahkamah Sesyen

| JUMLAH TUNTUTAN              | KOD  |
|------------------------------|--|
| RM100,001.00 –RM300,000.00   | Kod A51 : Saman Sivil Kerajaan<br>Kod A52 : Saman Sivil<br>Kod A52M: Saman Sivil (Muamalat)<br>Kod A52C : Saman Sivil (Pembinaan)<br>Kod A53C: Tort ( Pembinaan)<br>Kod A54 : Saman Pemula     |
| RM300,001.00 –RM1,000,000.00 | Kod B51 : Saman Sivil Kerajaan<br>Kod B52 : Saman Sivil<br>Kod B52M : Saman Sivil ( Muamalat)<br>Kod B52C : Saman Sivil (Pembinaan)<br>Kod B53C : Tort ( Pembinaan)<br>Kod B 54 : Saman Pemula |

| JENIS TUNTUTAN                          | KOD     |
|---|---------|
| Tort (Am/Kemalangan Jalan raya)         | Kod A53 |
| Tort (Kecuaian professional dan fitnah) | Kod B53 |

### 7.1.2 Mahkamah Majistret

| JUMLAH TUNTUTAN      | KOD   |
|----------------------|---|
| RM1.00- RM100,000.00 | Kod A71 : Saman Sivil Kerajaan<br>Kod A72 : Saman Sivil<br>Kod A72M : Saman Sivil (Muamalat)<br>Kod A72C : Saman Sivil (Pembinaan)<br>Kod A73 : Tort<br>Kod A73C : Tort (Pembinaan)<br>Kod A74 : Saman Pemula<br>Kod A77 : Tuntutan Kecil |

8. Bagi lokasi-lokasi mahkamah yang melaksanakan *e-filing* sepenuhnya, amalan pemfailan yang sedia ada adalah terpakai.

9. Kes sivil yang telah didaftarkan di mana-mana mahkamah sebelum 1 Mac 2013 adalah kekal di mahkamah masing-masing.

10. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 Mac 2013** dan hanya terpakai kepada kes-kes yang difailkan pada dan selepas tarikh tersebut.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menurut perintah,

**(AZIMAH BINTI OMAR)**

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

s.k :

YAA Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**



Peguam Negara  
Jabatan Peguam Negara  
No.45, Persiaran Perdana  
Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

YAA Presiden Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YAA Hakim Besar Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YA Hakim-Hakim  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

YA Hakim-Hakim/ Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi  
**SELURUH MALAYSIA**

Timbalan Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar Mahkamah Rayuan  
Mahkamah Rayuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Tinggi Kuching  
**SARAWAK**

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Malaya  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pengarah Mahkamah Negeri  
**SELURUH MALAYSIA**

Ketua Bahagian Guaman  
Jabatan Peguam Negara Malaysia  
**PUTRAJAYA**

Pengarah Bahagian Pengurusan  
Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Ketua Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pendaftar  
Mahkamah Rendah Sabah dan Sarawak  
Mahkamah Sesyen Kuching  
**SARAWAK**

Ketua Bahagian Teknologi Maklumat  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
**PUTRAJAYA**

Presiden  
Majlis Peguam Malaysia  
13,15 dan 17 Leboh Pasar Sesar  
**50050 KUALA LUMPUR**

Pengerusi  
Persatuan Undang-Undang Sabah  
Tingkat 2, 58, Jalan Pantai  
Hainan Association Building  
88000 Kota Kinabalu  
**SABAH**

Pengerusi  
Persatuan Peguambela Sarawak  
Bilik Peguam, Kompleks Mahkamah Kuching  
Jalan Gersik, Petra Jaya  
93050 Kuching  
**SARAWAK**

PENEMPATAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN GRED JUSA

| BIL. | NEGERI          | MAHKAMAH  |
|------|-----------------|---|
| 1.   | Perlis          | Litaran dari Mahkamah Sesyen Alor Setar setiap hari Isnin     |
| 2.   | Kedah           | (1) Alor Setar<br>(2) Sungai Petani                           |
| 3.   | Pulau Pinang    | (1) Georgetown<br>(2) Butterworth                             |
| 4.   | Perak           | (1) Ipoh<br>(2) Taiping<br>(3) Teluk Intan                    |
| 5.   | Kuala Lumpur    | Kuala Lumpur  |
| 6.   | Selangor        | (1) Shah Alam<br>(2) Petaling Jaya<br>(3) Ampang<br>(4) Klang |
| 7.   | Negeri Sembilan | Seremban  |
| 8.   | Melaka          | Melaka Tengah   |
| 9.   | Johor           | (1) Johor Bahru<br>(2) Muar                                   |

|     |            |   |
|-----|------------|---|
| 11. | Terengganu | Kuala Terengganu                            |
| 12. | Kelantan   | Kota Bahru                                  |
| 13. | Sabah      | (1)Kota Kinabalu<br>(2)Tawau<br>(3)Sandakan |
| 14. | Sarawak    | Kuching                                     |

## LAMPIRAN B

### 1. SARAWAK

| MAHKAMAH                   | LITARAN HAKIM MAHKAMAH<br>SESYEN GRED JUSA |
|----------------------------|--|
| MIRI, LIMBANG DAN BINTULU  | MINGGU KEDUA SETIAP BULAN                  |
| SRI AMAN, SIBU DAN SARIKEI | MINGGU KETIGA SETIAP BULAN                 |

### 2. SABAH

| MAHKAMAH | LITARAN HAKIM MAHKAMAH<br>SESYEN GRED JUSA |
|----------|--|
| LABUAN   | MINGGU KEDUA SETIAP BULAN                  |